



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 39 Tahun 2022

**IKLAN BIASISWA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) BAGI STAF
BUKAN AKADEMIK IPTA TAJAAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
(KPT) UNTUK MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN PhD
BAGI SESI PENGAJIAN 2023/2024**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pembukaan tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) tajaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada para pentadbir dan pegawai bukan akademik IPTA di Gred 41 dan ke atas untuk mengikuti pengajian secara sepenuh masa di peringkat PhD dan Sarjana di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Dalam Negara bagi sesi pengajian Semester 1 2023/2024.
- 1.2 UiTM mempelawa Staf Pentadbiran di Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas) yang berminat dan memenuhi syarat kelayakan untuk membuat permohonan mengikut tatacara yang dinyatakan dalam pekeliling ini.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 03 Oktober 2022 telah memaklumkan berkenaan tawaran penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi staf bukan akademik Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Gred 41 dan ke atas di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (PhD) secara sepenuh masa bagi sesi pengajian 2023/2024.

- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM) melalui pekeliling edaran pada 27 Oktober 2022 telah mengesahkan senarai bidang pengajian yang dicadangkan oleh Ketua Skim Perkhidmatan yang terlibat serta syarat-syarat permohonan tawaran penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi staf bukan akademik UiTM (Gred 41 dan ke atas) di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (PhD) secara sepenuh masa bagi sesi pengajian 2023/2024.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

3.1 Syarat Umum:

Pegawai-pegawai yang diperakukan untuk mengikuti kursus ijazah lanjutan hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Mereka juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

3.2 Syarat Khusus:

- a. Pada **31 Disember 2022**, pegawai mestilah berumur tidak lebih daripada **43 tahun bagi pengajian peringkat kedoktoran (PhD)** dan **45 tahun bagi pengajian peringkat Sarjana**;
- b. Telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan;
- c. Telah berkhidmat **sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun** dalam skim perkhidmatan Pengurusan & Profesional (**Gred 41 dan ke atas** dan lantikan selewat-lewatnya 1 Januari 2019) pada tarikh tutup permohonan;
- d. Mencapai markah **Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** purata **85% ke atas** bagi tempoh **tiga (3) tahun** skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (**2019, 2020 & 2021**). Penilaian setahun LNPT hendaklah genap **12 bulan**;
- e. Kursus yang diikuti adalah berkaitan dengan tugas pegawai dan diperlukan demi kepentingan perkhidmatan;

- f. Memiliki Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan bagi pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Sarjana yang baik bagi pengajian peringkat PhD (pencapaian CGPA minimum 2.75);
- g. Belum memiliki kelayakan Ijazah Lanjutan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan;
- h. Telah **mengisyiharkan harta** (termasuk pengisyiharan harta tambahan) dalam tempoh 5 tahun kebelakangan mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- i. Tidak tersenarai dalam **senarai hitam** pinjaman PTPTN atau Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP);
- j. Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- k. Permohonan **diperakukan** oleh pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM);
- l. Perlu memohon ke universiti selain dari tempat berkhidmat. Calon **tidak dibenarkan** memohon tempat pengajian yang sama dengan tempat berkhidmat;
- m. **Tidak menerima sebarang bentuk penajaan** daripada mana-mana penaja lain; dan
- n. Menyediakan **kertas cadangan pengajian** (*proposal*) dan hendaklah dimuat naik (dalam sistem KPT) serta diserahkan kepada urus setia semasa calon menghadiri temu duga. Kulit depan kertas cadangan hendaklah mematuhi format seperti yang telah disediakan.

4.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 4.1 Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukkan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh majikan (UiTM) dan penaja (KPT).
- 4.2 Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukkan calon yang boleh dilepaskan untuk bercuti belajar oleh Ketua Jabatan pada tahun 2023 kelak.
- 4.3 Sekiranya kesemua calon yang diperakukkan oleh Ketua Jabatan berjaya ditawarkan HLP ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki memberi

pelepasan cuti belajar kepada mereka untuk menjalani pengajian. Untuk makluman, pelepasan calon untuk bercuti belajar adalah dengan tanpa penggantian untuk jawatan berkenaan sehingga calon tamat cuti belajar.

5.0 PELAKSANAAN

5.1 Tatacara permohonan adalah seperti berikut:

- a. Permohonan adalah secara dalam talian di laman web Bahagian Biasiswa, KPT <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php>. Walau bagaimanapun, permohonan hendaklah terlebih dahulu melalui Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar bagi perakuan majikan.
- b. Sebelum memulakan permohonan, calon perlu memastikan syarat-syarat permohonan adalah dipenuhi dan memohon mengikut bidang yang disyorkan oleh pihak UiTM sahaja seperti di **LAMPIRAN A**.
- c. Permohonan yang tidak memenuhi syarat tidak akan diperakukan oleh majikan untuk memohon biasiswa HLP.
- d. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya adalah seperti berikut:-

Bil.	Dokumen	Tindakan
a.	Borang Pelepasan Permohonan Biasiswa HLP	Lengkap ditandatangan oleh Ketua PTJ dan Ketua Skim Perkhidmatan
b.	Pengesahan Pengisyiharan Harta dan tarikh Pengisyiharan Harta yang terkini.	Dicetak dari Sistem HR2U
c.	Markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan	i. Tahun 2019, 2020 dan 2021 ii. Dicetak dari Sistem HR2U
d.	Transkrip Ijazah Pertama dan/atau Sarjana ATAU kedua-duanya	Satu salinan yang disahkan benar dari salinan asal

e.	Deskripsi Tugas terkini	Satu salinan yang disahkan benar
f.	Kertas Cadangan Penyelidikan dan Borang Pengesahan Pembentangan Cadangan Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pembentangan kepada Ketua Skim/ Wakil Skim Perkhidmatan dan melengkapkan Borang Pengesahan Pembentangan Cadangan Penyelidikan. ii. Kertas Cadangan Penyelidikan disemak dan disahkan oleh Ketua/ Wakil Skim Perkhidmatan. iii. Cadangan Penyelidikan mestilah berkaitan dengan bidang tugas dan memberi impak ke arah meningkatkan keberkesanannya perkhidmatan dan organisasi. iv. Kulit depan kertas cadangan mestilah mengikut format yang ditetapkan.
g.	Borang Perakuan Ketua Jabatan (KPT)	<ul style="list-style-type: none"> i. Ruangan A dan B pada borang tersebut hendaklah diisi oleh pemohon. ii. Ruangan C akan diisi oleh pihak Bahagian Kemajuan Kerjaya (berdasarkan maklumat yang disertakan). iii. Ruangan Ketua Bahagian ditandatangan oleh Ketua PTJ calon manakala ruangan Ketua Jabatan ditandatangan oleh Bahagian Kemajuan Kerjaya.

- 5.2 Dimaklumkan bahawa temu duga akan dilaksanakan oleh KPT dan permohonan calon-calon yang disokong oleh KPT akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM), UiTM untuk kelulusan cuti belajar.
- 5.3 Sukacita diingatkan permohonan yang tidak melalui Bahagian Kemajuan Kerjaya tidak akan diproses untuk mendapatkan kelulusan cuti belajar.
- 5.4 Calon perlu membuat satu salinan untuk simpanan peribadi bagi setiap dokumen untuk dimuat naik dalam laman web KPT dan sebelum dihantar ke BKK.
- 5.5 Kesemua dokumen sokongan serta Borang Perakuan Ketua Jabatan (KPT) hendaklah dimuat naik kembali di <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php>

dan permohonan adalah dianggap lengkap dan telah dihantar apabila pemohon menekan butang 'Sah & Hantar' pada paparan yang disediakan.

- 5.6 Tarikh akhir penerimaan dokumen di Bahagian Kemajuan Kerjaya adalah pada **02 Disember 2022, jam 5.00 petang**.
- 5.7 Permohonan perlu menepati tempoh masa yang ditetapkan bagi melancarkan proses perakuan di peringkat majikan. Permohonan yang diterima melepas tarikh akhir yang ditetapkan tidak akan diproses untuk perakuan oleh pihak majikan. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

6.0 TARIKH DIKELUARKAN

- 6.1 Pekeliling dikeluarkan pada 08 November 2022.

7.0 TARIKH KUATKUASA

- 7.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada 27 Oktober 2022.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan Fakulti
Semua Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil.39/2022)

LAMPIRAN A



SENARAI BIDANG PENGAJIAN UNTUK PERMOHONAN BIASISWA HADIAH LATIHAN
PERSEKUTUAN BAGI STAF BUKAN AKADEMIK UiTM UNTUK SESI PENGAJIAN 2023/2024

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG PENGAJIAN 2023/2024	PERINGKAT PENGAJIAN
1.	B (Bakat dan Seni)	a. Art Management b. Performance Arts c. Art Entrepreneurship d. Creative Economy e. Master in Event Program / Event Management f. Master in New Media	PhD dan Sarjana PhD dan Sarjana PhD PhD Sarjana Sarjana
2.	C (Sains)	a. PhD in Science b. Master in Science	PhD Sarjana
3.	E (Perangkawan)	a. PhD in Statistic b. Master in Statistic	PhD Sarjana
4.	F (Sistem Maklumat)	a. Security in Computing b. Information System c. IT Management – Strategic Planning d. Software Engineering – Enterprise Architecture e. Computer Network / Parallel & Distributed Computing f. Database System – Big Data Analytic g. Intelligent Computing h. Programming Languages & Systems i. Knowledge Management j. ICT Project Management k. Intelligent System l. Human Computer Interaction m. Computer Network n. Software Engineering o. Database System p. Multimedia Computing q. Parallel & Distributed Computing	PhD dan Sarjana PhD dan Sarjana PhD PhD PhD PhD PhD PhD PhD PhD PhD PhD PhD PhD Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG PENGAJIAN 2023/2024	PERINGKAT PENGAJIAN
5.	G (Pertanian)	Umum	PhD dan/atau Sarjana
6.	J (Jurutera/ Arkitek/ Juruukur Bahan dan Bangunan)	a. Pengurusan Projek b. Pengurusan Fasiliti c. Architecture d. Pengurusan Pembinaan e. Green & Sustainable Energy Management f. Procurement & Construction Contracts g. Construction Economics h. Contract Management	PhD dan Sarjana PhD dan Sarjana PhD Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana
7.	KP (Keselamatan dan Pertahanan)	Umum	PhD dan/atau Sarjana
8.	L (Perundangan)	a. Administrative Law b. Commercial Law c. Medical Law d. Construction Law e. Contract Management	PhD dan Sarjana PhD dan Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana
9.	N (Pentadbiran dan Sokongan – Pegawai Tadbir)	a. Strategic Human Resource Management b. Governance c. Pengurusan Pentadbiran & Organisasi d. Talent Management & Assessment e. Pengurusan Pentadbiran & Organisasi f. Applied Statistic	PhD PhD PhD Sarjana Sarjana Sarjana
10.	N (Pentadbiran dan Sokongan – Bidang Pengurusan Asrama)	a. Strategic Management/ Quality Management/ Service Management b. Hospitality & Service Management/ Service Marketing c. Master in Student Development/ Student Affairs Counselling/ Human Development d. Master in International Business in Hotel and Design Management	PhD PhD Sarjana Sarjana
11.	N (Pentadbiran dan Sokongan – Bidang Hal Ehwal Islam)	a. Dakwah b. Kepimpinan dan Pengurusan Islam c. Syariah (Pengurusan) d. Usuluddin (Dakwah dan Pembangunan Insan) e. Dakwah Kontemporeri	PhD PhD Sarjana Sarjana Sarjana
12.	N (Pentadbiran dan Sokongan – Bidang Kokurikulum)	Pendidikan / Komunikasi / Sains Sosial	PhD dan Sarjana
13.	N (Pentadbiran dan Sokongan – Bidang Penerbitan)	Umum	PhD dan/atau Sarjana

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG PENGAJIAN 2023/2024	PERINGKAT PENGAJIAN
14.	Q (Penyelidikan dan Pembangunan)	Umum	PhD dan/atau Sarjana
15.	S (Sosial - Pustakawan)	a. Doctor of Philosophy in Library and Information Science b. Doctor of Philosophy in Library Management c. Doctor of Philosophy in Digital Library d. Master of Science in Records and Documents Management (Coursework) e. Master of Library and Information Science (Coursework) f. Master of Science (Data Science and Analytics) g. Master of Social Sciences (Communication Management)	PhD PhD PhD Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana
16.	S (Sosial – Pegawai Psikologi)	a. Gerontologi b. Psikologi/Kaunseling Siber c. Psychology Forensic d. Kaunseling/Psikologi Industri dan Organisasi e. Psikologi Sukan f. Kaunseling Kerjaya g. Penilaian dan Psikometrik h. Krisis dan Trauma i. Kaunseling Kesihatan Mental j. Developmental Module in Psychology k. Human Psychology & Resources l. Kaunseling Keluarga dan Komuniti m. Resiliensi n. Bimbingan & Kaunseling o. Kaunseling Islam p. Kaunseling Rehabilitasi dan Ketidakupayaan q. Pengujian dan Pengukuran Psikologi r. Kaunseling Kewangan s. Kaunseling Kesihatan Mental Klinikal t. Kaunseling Kanak-kanak & Remaja u. Perkembangan Gerontologi v. Kaunseling Rehabilitasi w. Kaunseling Psikologi x. Krisis Intervensi/ Trauma	PhD dan Sarjana PhD dan Sarjana PhD dan Sarjana PhD dan Sarjana PhD dan Sarjana PhD dan Sarjana PhD Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG PENGAJIAN 2023/2024	PERINGKAT PENGAJIAN
		y. Human Sciences in Psychology - Specializing in Clinical & Counseling	Sarjana
17.	S (Sosial – Pegawai Belia & Sukan)	a. Pengurusan Sukan b. Sains Sukan c. Pengurusan Acara	PhD dan Sarjana PhD dan Sarjana Sarjana
18.	S (Sosial – Kurator)	a. PhD (Visual Arts) b. PhD (Education) c. PhD (Arts Education) d. PhD (Creative Studies) e. PhD (Fine Art) f. PhD (Educational Technology) g. Master of Arts (Visual Arts) h. Master of Education (Arts) i. MA (Education) j. MA (Educational Technology) k. Master of Design in Creative Industry	PhD PhD PhD PhD PhD PhD PhD Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana
19.	U (Perubatan dan Kesihatan – Pegawai Pergigian)	a. Pergigian Kesihatan Awam (Dental Public Health) b. Klinikal: Periodontology/ Orthodontic/ Special Care Dentistry / Prosthodontic c. Oral / Dental Science d. Periodontik (Periodontology)	PhD dan Sarjana PhD Sarjana Sarjana
20.	U (Perubatan dan Kesihatan – Pegawai Perubatan)	Umum	PhD dan/atau Sarjana
21.	U (Perubatan dan Kesihatan – Pegawai Farmasi)	a. Master in Clinical Pharmacy b. Master in Pharmacy Practice/ Social & Administrative Pharmacy	Sarjana Sarjana
22.	U (Perubatan dan Kesihatan – Pegawai Optometri)	a. PhD of Optometry b. Master of Orthoptics c. Master of Low Vision and Rehabilitation d. Master of Clinical Optometry e. Master in Contact Lens	PhD Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana
23.	U (Perubatan dan Kesihatan – Pegawai Pemulihan Perubatan)	Master of Health Science	Sarjana
24.	U (Perubatan dan Kesihatan –Juru X-Ray)	Umum	PhD dan/atau Sarjana
25.	U (Perubatan dan Kesihatan – Jururawat)	a. Master in Nursing b. Master in Healthcare Management	Sarjana Sarjana

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG PENGAJIAN 2023/2024	PERINGKAT PENGAJIAN
26.	U (Perubatan dan Kesihatan – Pegawai Dietetik)	a. Doctor of Philosophy (Dietetics) b. Master in Clinical Dietetics/Nutrition c. Master in Community Nutrition d. Master in Health Education/Health Promotion	PhD Sarjana Sarjana Sarjana
27.	W (Kewangan – Pegawai Kewangan)	a. Accounting (Accountability & Management Control, Sustainability Accounting, Management Accounting Sustainability, Intellectual Capital, Financial Analysis & Policy) b. Management (Risk Management) c. Certified Internal Auditor d. Auditing e. Audit & Corporate Governance f. Master of Islamic Banking g. Master of Business Administration (Business & Investment) h. Master of Accounting and CIMA (Corporate & Financial Accounting) i. Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)	PhD PhD Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana Sarjana
28.	W (Kewangan – Pegawai Penilaian)	a. Real Estate Economics, Finance & Investment b. Master in Real Estate Investment	PhD Sarjana